



**NAMA : ANDI ARNAISAH BINTI ANDI ARNIS**

**NO MATRIK : 148634**

**SOALAN PERBINCANGAN.**

1.Jelaskan apakah yang anda fahami mengenai Rancangan Pendidikan Individu (RPI) dan apakah tujuan perlaksanaan RPI ini.

Rancangan Pendidikan Individu (RPI) adalah satu dokumen bertulis. Ia dirancang khusus untuk seseorang murid. Ia juga dibentuk bertujuan mendokumentasikan segala pengubahsuaian dan penerapan ke atas program pembelajaran serta perkhidmatan yang disediakan. RPI berfungsi sebagai satu alat atau instrument untuk menentukan kerjasama dan kolaborasi antara sekolah, ibu bapa, murid itu sendiri dan jika perlu, dengan pegawai pendidikan daerah, dan individu dari agensi atau khidmat sokongan lain.

Rancangan Pendidikan Individu (RPI) dirangka untuk membantu murid berkeperluan khas yang berhak menerima perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Rancangan Pendidikan Individu (RPI) tersebut. Proses pengajaran dan pembelajaran murid-murid berkeperluan khas memerlukan guru memberikan perhatian khusus kepada individu murid bagi memastikan murid tersebut dapat menguasai kemahiran-kemahiran yang diajar.

RPI bertujuan sebagai satu alat atau instrumen untuk menentukan kerjasama dan kolaborasi antara sekolah, ibu bapa, murid itu sendiri dan jika perlu, dengan pegawai pendidikan daerah, dan individu dari agensi atau khidmat sokongan lain. RPI dilaksanakan berdasarkan secara kumpulan atau pasukan. Hala tuju adalah dibentuk dan dipersetujui bersama melalui kolaborasi dan kerjasama ahli-ahli pasukan RPI. Selain itu, objektif Rancangan Pendidikan Individu (RPI) ini dibuat berdasarkan prestasi sedia ada murid berkeperluan khas. Dengan adanya Rancangan Pendidikan Individu (RPI) pencapaian murid dapat dilihat dengan jelas dari semasa ke semasa. Rancangan Pendidikan Individu (RPI) bertindak sebagai penilaian yang berterusan bagi murid tersebut dalam mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan.

2.Huraikan secara ringkas maksud analisis tugasan dan bagaimana analisis tugasan ini dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak berkeperluan khas.

Analisis tugasan bermaksud mengetahui dan memahami komponen-komponen asas dalam tugasan atau ujian. Pelajar semestinya mampu menjalankan tugasan itu setelah mereka benar-benar memahami konsep penting dan asas dalam tugasan. Tugasan perlu dibahagi kepada beberapa bahagian dan pelajar perlu menyelesaikan tugasan bagi setiap bahagian mengikut aturan yang ditetapkan. Analisis tugasan merupakan satu prosedur yang membahagikan sesuatu tugasan kepada komponen atau tugasan yang lebih kecil dan keperluan-keperluannya. Guru perlu mengenal pasti komponen dan keperluan yang belum ada dan memberikan pengajaran yang sepatutnya.

Analisis tugasan merupakan proses yang penting dalam perancangan dan pengajaran murid berkeperluan khas. Proses ini bertujuan untuk memecahkan sesuatu aktiviti yang lebih kompleks kepada langkah-langkah kecil yang ringkas. Langkah-langkah tersebut kemudian diorganisasi mengikut urutan yang bersesuaian. Pengajaran dilaksanakan mengikut langkah-langkah kecil yang lebih ringkas. Hal ini bermaksud bahawa murid berkeperluan khas akan diajar langkah demi langkah sehingga mereka menguasai keseluruhan kemahiran sasaran. Kecekapan guru pendidikan khas adalah dalam menganalisiskan tugasan tersebut supaya bersesuaian dengan tahap keupayaan murid berkeperluan khas.

Tujuan mengenalpasti perkara-perkara yang perlu dikuasai pelajar sebelum mempelajarai sesuatu topik secara terperinci ini dapat membantu kanak-kanak Pendidikan khas tentang apa yang diajarkan. Kita sedia maklum bahawa kanak-kanak pendidikan khas ini mempunyai tahap kognitif yang tidak sama seperti kanak-kanak lain, mereka perlu diajarkan secara terperinci dan berulang-ulang. Oleh itu, analisis tugasan ini dapat memberi kefahaman yang baik dengan mereka agar mereka dapat mengikuti sesi pembelajaran dengan lancar.

Selain itu, guru juga digalakkan untuk menganalisis setiap langkah bagi sebarang pengetahuan atau kemahiran awal yang diperlukan. Menyusun langkah-langkah dalam susunan mengikut keutamaan yang perlu diajar dan dinilai serta menyediakan carta susunan atau carta aliran untuk menentukan susunan objektif utama

dan langkah-langkah yang perlu diikuti. Carta ini adalah untuk menentukan kemajuan murid dalam menyelesaikan objektif utama dan langkah-langkah yang disediakan. Dengan adanya pembelajaran seperti ini, murid berkeperluan khas tidak mudah untuk berasa bosan. Guru juga dapat melihat perkembangan kanak-kanak ini dari semasa ke semasa. Mereka akan diajar daripada perkara yang asas dahulu kepada yang kompleks. Dengan ini, murid ini dapat mengikuti sesi pembelajaran dengan lebih baik dan terancang.

Secara keseluruhannya, analisis tugasan adalah penting agar guru mengetahui setiap tahap muridnya. Dengan adanya analisis tugasan ini, murid dapat mengikuti sesi pembelajaran yang sesuai dengan kemampuan mereka. Tugasan yang diberikan juga dapat mereka fahami dengan mudah , hal ini dapat menarik minat murid untuk lebih berminat belajar.